



PAKEJ KITA SELANGOR 2.0

BERSAMA MENUJU KEJAYAAN

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya mewakili rakyat jelata, kepimpinan serta pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, merafak sembah taat setia dan menjunjung kasih di atas keprihatinan dan kepedulian DYMM Sultan Selangor terhadap kebajikan serta kemaslahatan rakyat Negeri Selangor.

Sesungguhnya patik, Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Negeri Selangor amat bertuah dipayungi daulat pemerintahan DYMM Tuanku.

Keprihatinan dan kepedulian DYMM menjadi pedoman dan memugar semangat buat Kerajaan Negeri untuk berusaha menangani penularan wabak, meringankan beban rakyat dan memastikan ekonomi serta pembangunan negeri terus meluncur laju walaupun dihimpit pandemik.

Oleh demikian, semenjak tahun lalu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan:

- a) Pakej Selangor Prihatin 1 dan 2 berjumlah RM 400 juta.
- b) Pakej Rangsangan Ekonomi yang dijangka memberi kesan ekonomi bernilai RM 55.85 billion.
- c) Pakej Kita Selangor 2021 yang berjumlah RM 75.877 juta.
- d) Bantuan Khas khusus kepada peniaga dan pengusaha Bazar Ramadan berjumlah RM 5 juta.

Kerajaan Negeri berikrar untuk terus melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi menyantuni rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Justeru, hari ini, sesuai dengan iltizam menjaga kebijakan dan kelangsungan kehidupan rakyat Negeri Selangor, memastikan kelestarian ekonomi serta perniagaan dan yang terakhir, kawalan kesihatan untuk mengekang penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri akan mengumumkan pakej Kita Selangor 2.0.

Saudara saudari yang dihormati,

Kerajaan Negeri Selangor sudah beberapa kali merangka dan melaksanakan pakej bantuan serta rangsangan ekonomi. Semua ini bukanlah semata-mata mahu menjadi populis ataupun “**contrarian**”. Dasar dan polisi yang digarap adalah untuk kebaikan rakyat dan Negeri Selangor.

Bukanlah untuk bermegah ataupun mendabik dada, namun saya sering terdengar sesetengah pihak yang sering memuji Negeri Selangor yang sentiasa proaktif menangani penularan dan berikhtiar mengukuhkan ekonomi negeri seumpama upaya saringan komuniti yang setakat 8hb Jun 2021 telah melibatkan seramai **seratus tujuh belas ribu tiga ratus empat belas orang (117,314)**. Usaha ini pada mulanya diremehkan sesetengah pihak, akan tetapi kita teruskan juga kerana kita bukan semberono merangka sesuatu polisi. Kita yakin kerana ia berdasarkan sains dan fakta.

Dasar yang tepat yang dilaksanakan ketika waktu mencabar sebegini bukan sahaja mampu memberi natijah baik pada waktu jangka pendek, ianya juga merupakan suatu pelaburan jangka panjang buat negeri. Bukan sahaja rakyat negeri ini yang menikmati manfaatnya, bahkan rakyat negeri lain yang menumpang teduh serta rajin berusaha di Selangor juga akan dapat menikmati hasil daripada polisi dan kebijakan tersebut.

Saudara-saudari sekalian,

Di tengah-tengah kekeliruan dan kemarahan rakyat jelata berdepan dengan kesan pandemik, kerajaan dan pemerintah sewajarnya menjadi ‘beacon of light’ kepada semua, mengilhami dan menggembungkan harapan untuk mengharungi segala bentuk cabaran serta mehnah.

Kita tiada pilihan. Kita hanya dapat mengharungi semua ini sekiranya kita semua berganding bahu, bekerjasama dan tidak saling mencurigai di antara satu sama lain. Walau apa pun perbezaan di antara kita, sama ada berbeza keyakinan politik mahupun kepercayaan, jalan menuju ke hadapan hanyalah dengan **Bersama-sama Menuju Kejayaan**.

Kejayaan yang mahu dikecapi ini juga menuntut pemerintah untuk bersedia mendengar rintihan rakyat yang sudah hampir dua tahun dibebani kesan COVID-19 ini.

Sudah tentu ada waktunya pemerintah mesti bersedia mengambil langkah berani, dasar yang tidak popular namun tindakan tersebut tetap dilaksanakan demi kebaikan rakyat sekalian. Akan tetapi ada ketika, pemerintah juga harus bersedia berlapang dada mendengar nasihat dan keluhan orang ramai.

Menginsafi keluhan rakyat yang sedang menderita kesusahan makanya Kerajaan Negeri berteraskan tiga strategi meliputi dua puluh lima program telah merangka Pakej Kita Selangor 2.0 bernilai **lima ratus lima puluh satu per puluhan lima enam juta** (RM551.56 juta) yang bakal memanfaatkan sekurang-kurangnya 1.6 juta rakyat Selangor.

Strategi Pertama : Menjaga Kebajikan dan Kelangsungan Hidup Rakyat

Program Bakul Makanan

Kerajaan Negeri akan meneruskan inisiatif bakul makanan untuk golongan berpendapatan rendah dan golongan yang terkesan akibat pandemik dan pelaksanaan PKP. Program ini akan dilaksanakan di setiap 56 DUN yang mana had perbelanjaan Program Mesra Rakyat setiap Ahli Dewan Negeri tanpa mengira ADN Kerajaan mahupun Pembangkang ditingkatkan ke jumlah RM 100 ribu.

Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi peruntukan tambahan sebanyak RM 50 ribu bagi tujuan program tersebut dengan jumlah peruntukan berjumlah RM 3.28 juta. Mengambil semangat kebersamaan

dan konsep ‘Kita Selangor’, peruntukan tambahan ini akan meliputi semua Dewan Undangan Negeri termasuk ADN Pembangkang. Kerajaan Negeri turut bersetuju menyalurkan RM 30 ribu untuk setiap Ahli Parlimen Pakatan Harapan di Selangor yang tidak menerima peruntukan di peringkat Persekutuan bagi bersama membantu rakyat memerangi wabak COVID-19.

Antara mereka yang akan menerima insentif bakul makanan ini adalah golongan B40, pemandu bas dan van sekolah, pemandu taxi dan bas persiaran, golongan ibu tunggal, mereka yang hilang pekerjaan dan mengalami kekurangan pendapatan serta golongan OKU. Inisiatif bakul makanan ini juga diperluaskan kepada para pesakit COVID-19 yang akan menerima bantuan bakul makanan serta ‘Home Assessment Tool’ bagi tujuan kuarantine di rumah.

Bantuan Kewangan Kepada Keluarga Pesakit COVID-19 Yang Meninggal Dunia

Sabtu hari, kita membaca di dada akhbar dan di media sosial kisah memilukan kematian akibat COVID-19. Kes kematian yang meningkat dan kini mencecah angka 3,460 kematian di seluruh negara adalah amat menyayat hati. Menginsafi musibah yang menimpa ahli keluarga yang kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan sumbangan khairat kematian berjumlah RM 1,000 untuk setiap pesakit COVID-19 yang meninggal dunia di Selangor. Bagi melaksanakan inisiatif ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 1.5 juta.

Bantuan Khas RM500 Orang Kurang Upaya (OKU)

Menginsafi kesukaran yang dihadapi golongan OKU akibat pelaksanaan PKP, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 600 ribu bagi memanfaatkan golongan OKU di Selangor dengan bantuan ‘one-off’ berjumlah RM 500.

Moratorium Usahawan HIJRAH Selangor

Kerajaan Negeri memahami kesukaran yang dihadapi para peminjam dan usahawan HIJRAH akibat dari pelaksanaan PKP yang menganggu perniagaan dan aliran tunai. Untuk itu, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan moratorium bayaran pinjaman HIJRAH selama satu setengah bulan (1.5 bulan) kepada 40,000 usahawan HIJRAH Selangor. Inisiatif ini bakal memberi impak kewangan berjumlah RM 11.35 juta.

Hotline Khusus Aduan Keganasan Rumah Tangga

Sebagai platform aduan kecemasan dengan kerjasama dan pelaksanaan oleh Institut Wanita Berdaya (IWB) serta agensi / NGO berkaitan untuk penyaluran aduan, hotline ini bakal dikendalikan oleh pekerja khusus terlatih yang boleh memberikan nasihat dan bimbingan/kaunseling yang diperlukan. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 100 ribu bagi inisiatif ini.

Penangguhan Bayaran Balik Pinjaman Pelajaran Bagi Graduan Tahun 2021

Tempoh mula bayaran ansuran pinjaman dilanjutkan daripada enam (6) bulan kepada dua belas (12) bulan selepas pelajar menamatkan pengajian. Pelajar yang terjejas boleh membuat permohonan dengan memuat turun borang permohonan di portal Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Permohonan ini terbuka kepada semua peminjam yang menamatkan pengajian sepanjang tahun 2021. Seramai 1,300 pelajar akan menerima manfaat dari inisiatif ini dengan impak kewangan berjumlah RM 1.3 juta.

Program Tuisyen Rakyat Selangor

Modul pembelajaran secara bercetak diedarkan kepada para peserta PTRS yang menghadapikekangan pembelajaran secara atas talian.

Sasaran penerima adalah 50,000 orang pelajar yang akan menduduki peperiksaan tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM 2.1 juta.

Portal ePTRS.my

Portal ePTRS digunakan sebagai medium pembelajaran Tuisyen Rakyat versi Digital. Modul pembelajaran bercetak boleh diakses secara dalam talian di portal ePTRS. Seramai 20,000 pelajar yang akan menduduki Peperiksaan SPM tahun ini bakal menerima manfaat dari inisiatif ini. Kerajaan Negeri melalui MBI memperuntukkan RM 500 ribu bagi inisiatif ini.

Penangguhan Bayaran Sewa PPR dan Smart Sewa

Kerajaan Negeri bersetuju memberi penangguhan bayaran sewa selama sebulan kepada Rumah PPR dan penyewa Rumah Smart Sewa di Selangor. Seramai 2632 individu yang menyewa di Rumah PPR dan 477 peserta Skim Smart Sewa akan menerima manfaat penangguhan bayaran sewa bulan Julai dengan impak kewangan berjumlah RM 900 ribu.

Bantuan Khas buat Pengusaha dan Guru Pendidikan Awal (Tadika)

Kerajaan Negeri memahami kesukaran yang dihadapi pengusaha tadika dan guru-guru tadika akibat pelaksanaan PKP. Oleh itu Kerajaan Negeri mengumumkan bantuan ‘one off’ berjumlah RM 450 kepada pengusaha tadika di seluruh Negeri Selangor serta RM 150 kepada setiap guru-guru tadika. Bantuan ini akan memberi manfaat kepada hampir 1,018 pengusaha tadika dan 10,197 guru-guru tadika di seluruh negeri dengan peruntukan RM 500 ribu.

Penangguhan Bayaran Pinjaman Pelajaran Biasiswa Yayasan Selangor.

Yayasan Selangor telah melaksanakan penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran Yayasan Selangor semasa pelaksanaan PKP awal tahun ini bermula 1 April hingga 30 September 2020 bagi tempoh enam (6) bulan di mana peruntukan pemberian penangguhan ini kepada peminjam aktif dengan tunggakan pinjaman tidak melebihi tiga (3) bulan.

Untuk membantu meringankan beban pelajar tajaan Yayasan Selangor, Yayasan Selangor (YS) akan memberi penangguhan pembayaran balik kepada 286 pelajar tajaan YS yang menamatkan pelajaran pada tahun 2021 kepada bulan Januari 2022. Inisiatif penangguhan bayaran balik ini dijangka akan memberi impak kewangan berjumlah RM 1 juta.

Pihak Yayasan Selangor juga akan membantu merancang semula pembayaran balik pinjaman pendidikan kepada seramai 2,088 bekas pelajar tajaan Yayasan Selangor. Bekas pelajar tajaan YS digalakkan untuk menghubungi Yayasan Selangor.

Bantuan Mahasiswa Selangor

Dengan menyediakan barang makanan dan keperluan asas kepada mahasiswa di kampus, inisiatif ini adalah khusus buat mahasiswa yang masih berada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 1.5 juta yang akan memanfaatkan 7,500 mahasiswa di seluruh Selangor.

Data Internet Selangor

Menyedari bahawa akses kepada internet adalah nadi kelangsungan perniagaan dan pembelajaran, Kerajaan Negeri melancarkan program Data Internet Selangor melibatkan penawaran bersubsidi kad SIM dengan kemudahan data internet tanpa had kepada golongan sasaran khasnya dari golongan B40 dalam masa terdekat.

Seramai 70,000 orang yang akan disasarkan termasuk mereka yang terdiri daripada penjaja kecil, pelajar, ibu tunggal, pemandu teksi, warga emas dan pekerja ekonomi gig.

Program Data Internet Selangor ini dengan peruntukan sebanyak RM17.5 juta akan menawarkan produk kad SIM data internet tanpa had dengan kadar istimewa RM35 sebulan yang akan diberi subsidi RM20 sebulan oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) untuk tempoh 12 bulan. Penerima hanya membayar RM15 dan selebihnya RM20 akan dibayar oleh MBI.

Skim Internet Selangor Kategori M40

Kerajaan Negeri Selangor melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) akan menawarkan Skim Internet Selangor khusus bagi golongan M40 (SISM40). Inisiatif yang pertama kali dilaksanakan dengan kerjasama syarikat swasta negara iaitu Telekom Malaysia (TM) ini memperuntukkan subsidi internet khusus kepada rakyat negeri Selangor.

Melalui inisiatif ini, terdapat 8 pakej diperkenalkan melalui Pakej Keluarga, Pakej Bujang dan Pakej Asas. Melalui langganan pakej-pakej tersebut, setiap isi rumah akan berpeluang menikmati subsidi di antara RM10 hingga RM30 sebulan bagi tempoh setahun. SISM40 dibuka kepada rakyat di negeri Selangor bermula 1 Julai 2021.

Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan semua 56 pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh Selangor dalam usaha memastikan seramai mungkin mereka yang layak untuk mendapat manfaat SISM40 ini.

Strategi Kedua : Menyelamatkan Industri dan Sektor Ekonomi serta Usahawan di Selangor

Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 dan 3.0 yang dilaksanakan pada tahun ini, sekurang-kurangnya 41,349 perniagaan gulung tikar pada tahun lalu, ekoran pelaksanaan PKP 1.0, menurut data Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Ini belum lagi mengambil kira situasi selepas PKP 2.0 dan 3.0

Angka pengangguran juga menunjukkan situasi yang membimbangkan. Pada kemuncak PKP 1.0, kadar pengangguran negara berada pada 5.3%, tahap tertinggi sejak tahun 80-an.

Setahun kemudian, Jabatan Perangkaan melaporkan kadar pengangguran berjumlah 4.7%. Harus diingat bahawa kadar ini direkodkan sebelum *lockdown* terbaharu diumumkan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif membantu memastikan kelangsungan aktiviti ekonomi bagi menjamin pekerjaan dan tahap pendapatan kita dalam usaha mengalahkan virus COVID-19.

Selangor Advance

Sejak dilaksanakan bermula tahun lepas, Selangor Advance telah memanfaatkan aliran tunai sebanyak 300 syarikat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan telah berjaya menyelamatkan dan menjamin pekerjaan hampir 25,000 pekerja.

Menyedari aliran tunai syarikat adalah penting bagi menampung perbelanjaan termasuk menyelamatkan pekerjaan kepada pekerja demi mengekalkan kelangsungan operasi syarikat, Kerajaan Negeri akan menyuntik dana tambahan ke dalam program Selangor Advance.

Kerajaan negeri akan memperuntukkan ***dana tambahan sebanyak RM200 juta*** yang akan disumbangkan oleh simpanan tetap tunai agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, serta anak-anak syarikat Kerajaan Negeri bagi sama-sama meningkatkan sokongan di dalam ekosistem Kerajaan Negeri ini sendiri di mana pelaburan ini akan memberi manfaat kepada PKS dan pelabur.

Jenis-jenis pinjaman yang akan ditawarkan adalah bagi tujuan pembiayaan rantaian bekalan am atau kontrak am, jaminan bank, surat jaminan kredit / surat akujanji / surat sokongan, pembiayaan modal pusingan serta pembiayaan bercagaran dan terjamin.

Program Jaminan Bekalan Makanan

Program pertanian adalah amat penting bagi merancakkan semula sektor pertanian agro-makanan dan mengaktifkan semula kecekapan rantaian bekalan makanan yang terganggu ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Untuk itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sedang menggiatkan usaha untuk menyediakan peluang dan ruang pemasaran serta pengeluaran kepada agropreneur baharu yang berminat menceburi sektor pertanian.

Menerusi hasrat ini PKPS menyasarkan untuk melahirkan 1,000 agropreneur dalam tempoh 5 tahun yang akan menceburi sektor pertanian merangkumi tiga kategori iaitu pengeluaran, pemasaran dan logistik.

Sebagai permulaan, PKPS mencadangkan agar tanah milik kerajaan negeri yang berkeluasan kira-kira 30 ekar di Bukit Changgang, Banting dijadikan ‘pilot project’ untuk diberikan kepada 30 agropreneur dengan purata 1 ekar bagi setiap peserta.

Bagi menjayakan program ini, PKPS akan menyediakan modal pusingan sebanyak RM10 juta yang akan dikendalikan menerusi usahasama strategik bersama pihak Agro Bank.

Selain itu PKPS akan mewujudkan beberapa outlet pemasaran kekal dan juga ‘mobile’ bagi melengkapkan kitaran sepanjang nilai rantaian.

Program Agro Prihatin

Kerajaan Negeri memahami kesukaran yang dihadapi para petani, penternak dan nelayan untuk menjual hasil tanaman mereka, dan ini telah mengakibatkan berlaku lambakan hasil segar.

Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) akan melaksanakan Program Agro Prihatin untuk membeli hasil segar dan akan dijual semula kepada orang ramai dengan diskaun 50 peratus. Inisiatif ini akan membantu lebih 200 penternak, petani, nelayan serta orang ramai dengan peruntukan RM 1.5 juta.

Program Peningkatan Hasil

Sebagai pelengkap kepada usaha-usaha sebelum ini, Kerajaan Negeri akan membantu komuniti petani dan penternak meningkatkan hasil melalui pendekatan berikut:

- i) Bantuan berbentuk bahan kawalan perosak
- ii) Bantuan benih padi sah MR219
- iii) Bantuan kepada usahawan Industri Asas Tani untuk mengeluarkan produk proses baharu.
- iv) Melabuhkan tukun tiruan dan unjam di perairan Sabak Bernam

Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM 1.93 juta.

Pinjaman HIJRAH Selangor

Sejak pelaksanaan PKP 1.0 pada Mac tahun lalu, kita sering membaca kisah usahawan yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan akibat dari kehilangan pekerjaan dan kekurangan pendapatan. Hal ini meningkat dengan pelaksanaan PKP baru-baru ini dan dijangka akan terus meningkat akibat dari pelbagai industri yang mengalami kesan buruk.

Antara masalah utama yang dihadapi oleh para peniaga dan usahawan yang ingin memulakan perniagaan adalah modal awalan dan pusingan. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Hijrah Selangor (HIJRAH) memperuntukkan RM 80 juta bagi membantu 8,000 usahawan dengan modal awalan bagi memulakan perniagaan. Program ini dikhususkan buat mereka yang hilang pekerjaan dan kekurangan pendapatan akibat dari pelaksanaan PKP. Terbuka buat seluruh rakyat Negeri Selangor, pihak HIJRAH akan menjelajah di setiap DUN bagi membuka penyertaan.

PLATS SELANGOR

Pada awal pandemik yang lalu saya telah melancarkan Platform Selangor atau PLATS bagi membantu menggerakkan ekonomi PKS Mikro khususnya penjaja dan peruncit di Selangor. Pendaftaran untuk menyertai PLATS adalah PERCUMA dan kini lebih 2,000 PKS Mikro telah berdaftar di bawah PLATS.

Menerusi PLATS, PKS Mikro juga boleh mempelajari asas berkaitan pendigitalan, menerima bantuan pembiayaan serta latihan keusahawanan berkaitan.

Selain itu, Rakan Strategik PLATS iaitu GRAB juga bersedia untuk bekerjasama menerusi Grab Express bagi membantu menyelesaikan isu penghantaran bagi peniaga di PLATS. Oleh itu saya menyeru PKS Mikro khususnya penjaja dan peruncit di Selangor untuk berdaftar di www.platselangor.com bagi mendapatkan peluang yang telah disediakan.

Bantuan Kewangan kepada Sektor Pelancongan di Negeri Selangor

Umum mengetahui bahawa sektor pelancongan adalah antara industri yang paling menerima kesan buruk akibat pandemik ini. Bagi membantu sektor pelancongan di Negeri Selangor untuk meneruskan agenda pelancongan di samping membantu kelangsungan perniagaan, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan Geran Bantuan Aktiviti Pelancongan, Baucer Pelancongan Selangor 2.0, Program Latihan Pembelajaran Pendigitalan serta Bantuan Kewangan ‘One-off’ kepada Persatuan Pelancongan di Negeri Selangor. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 2.55 juta.

Strategi Ketiga : Kawalan Kesihatan Untuk Mengkekang Penularan Wabak

Ujian Saringan COVID-19 Komuniti Fasa 3

Sejak tahun lalu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan saringan COVID-19 secara percuma melalui Program Ujian Saringan COVID-19 Komuniti Percuma Fasa Satu dan Dua. Fasa Pertama dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu yang merupakan ‘hotspot’ di seluruh Negeri Selangor manakala Fasa Kedua pula bermula pada 8hb Mei di setiap 56 kawasan Dewan Undangan Negeri dan sedang berlangsung sehingga 10hb Jun. Sehingga 8 Jun 2021, seramai 117,314 individu telah menjalani ujian saringan COVID-19 Fasa Dua.

Tindakan Kerajaan Negeri ini adalah berdasarkan kepada strategi FTTIS yang dianjurkan oleh WHO, iaitu *find, test, trace, isolate and support*. Strategi ini bermatlamat untuk mengesan ‘silent carriers’ di kalangan komuniti dan memutuskan rantai jangkitan wabak.

Mengambilkira kejayaan ujian saringan percuma ini mengesan ‘silent carriers’ dan penyertaan yang sangat menggalakkan daripada rakyat Selangor dan rakyat dari negeri-negeri lain melebihi sasaran 50,000 individu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Ujian Saringan COVID-19 Percuma Fasa Ketiga dengan sasaran 100,000 saringan di seluruh Negeri Selangor.

Fasa Ketiga akan berdasarkan dua strategi berdasarkan dapatan Fasa Pertama dan Fasa Kedua, iaitu penumpuan kepada kawasan hotspot kes COVID-19 dan kawasan industri serta kilang.

Ramai yang berpendapat bahawa Kerajaan Negeri harus memfokuskan kepada usaha vaksinasi berbanding saringan. Namun, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa usaha ujian saringan harus dilaksanakan serentak sehingga ‘herd immunity’ dicapai. Antara contoh kita boleh lihat adalah di United Kingdom. Pada November tahun lalu, Kerajaan British melancarkan Operation Moonshot, sebuah inisiatif saringan secara

besar-besaran di seluruh United Kingdom sebagai langkah mengawal pandemik COVID-19.

Walaupun kadar vaksinasi di UK sudah mencapai hampir 59%, iltizam untuk terus melakukan saringan secara besar-besaran masih diteruskan. Sehingga kini, sebanyak 182,624,589 saringan telah dilakukan di seluruh United Kingdom. Amalan-amalan terbaik kesihatan awam seperti ini wajar dicontohi di Malaysia.

Menjunjung kasih titah DYMM Sultan Selangor melalui Kenyataan Akhbar DYMM Sultan Selangor pada 8 Jun 2021 yang memuji tindakan melaksanakan Ujian Saringan COVID-19 secara percuma, Kerajaan Negeri meneruskan kaedah proaktif menangani penularan wabak dengan Ujian Saringan COVID-19 Fasa Ketiga dengan peruntukan berjumlah RM 10.7juta.

‘Home Assessment Tool’

Jumlah kes yang diklasifikasikan sebagai ‘Brought In Dead’ (BID) semakin meningkat di Selangor dan ini adalah trend yang amat membimbangkan. Bagi bulan Mei 2021 sahaja, sebanyak 123 kes kematian diklasifikasikan BID dan setakat ini sebanyak 293 kes BID telah dicatatkan di Malaysia. Selangor merupakan negeri kedua yang mencatat kes BID tertinggi setelah Sabah dengan 27.6 peratus.

Berdasarkan kajian, beberapa faktor utama kejadian BID ini adalah antaranya keadaan kediaman yang tidak sesuai untuk kuarantin, pesakit yang mempunyai penyakit berisiko tinggi, varian COVID-19 yang berbahaya, serta jumlah kes yang tinggi menyebabkan petugas kesihatan mengalami kesukaran menilai keadaan kesihatan pesakit. Inisiatif ‘Home Assessment Kit’ ataupun kit penilaian di rumah ini adalah langkah bagi mengurangkan kes BID di Selangor.

Kit penilaian di rumah ini disediakan bagi mereka yang telah dikesan positif melalui ujian saringan yang dilaksanakan. Kerajaan Negeri menyediakan bantuan bakul makanan serta ‘Home Assessment Tool’ setiap satu yang mengandungi :

- i. Facemask KN95;
- ii. Thermometer;
- iii. Oximeter;
- iv. Ubat-ubatan; dan
- v. Kit Ujian Air Liur (Saliva Test Kit);

‘Home Assessment Tool’ ini akan membantu para pesakit yang sedang kuarantin untuk menilai keadaan kesihatan mereka dengan bantuan petugas kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) melalui aplikasi SELangkah. Ini akan meringankan beban dan kesesakan di CAC dan PKD serta pada masa yang sama mengaplikasikan elemen ‘Support’ dalam rangka kerja FTTIS yang dianjurkan WHO. Bakul makanan dan ‘Home Assessment Tool’ ini akan diagihkan oleh PKM. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 1.25 juta bagi tujuan ini.

Rebat Pengangkutan bagi Pengambilan Vaksin.

Bagi menggalakkan dan memudahcara mereka yang akan menerima vaksin di Selangor terutamanya golongan warga emas, Kerajaan Negeri telah menjalin kerjasama dengan syarikat ‘e-hailing’ Grab, dengan menyediakan pemberian rebat sebanyak RM20 bagi perkhidmatan e-hailing yang memesan pengangkutan untuk tujuan perjalanan mendapatkan suntikan vaksin.

Inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada hampir 50,000 individu di seluruh Negeri Selangor dengan peruntukan RM 1 juta. Kerajaan Negeri juga melalui Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) setiap DUN akan menyelaras bantuan pengangkutan bagi mereka yang berada jauh dari Pusat Pemberian Vaksin (PPV) atau mengalami kesukaran logistik. Bantuan ini akan diutamakan bagi kawasan luar bandar dan tidak mempunyai capaian pengangkutan awam atau ‘e-hailing’. Inisiatif ini akan bermula 1 Julai 2021.

Kawalan Kesihatan di Tempat Kerja

Seperti yang semua sedia maklum, peratusan kes dan pembentukan kluster banyak bermula di tempat kerja. Kerajaan Negeri mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program “POIS” (Prevention of Outbreak at Ignition Sites) selama tiga (3) bulan di mana ia memberikan solusi holistik bagi majikan dan pekerja untuk memastikan tiada penularan COVID-19 di tempat kerja. Sehingga 30 Mei 2021, lebih dari 120 syarikat yang merangkumi lebih 50,000 pekerja telah mengambil langkah proaktif dengan menyertai program POIS. Syarikat yang melaksanakan program ini juga telah didapati berjaya menurunkan jumlah kes secara mendadak, serta mengelak dari berlakunya penutupan kilang dan tempat kerja.

Bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan program POIS ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Khas Pematuhan Kawalan Kesihatan bagi Industri yang akan dipengerusikan Dato’ Dr Khalid Ibrahim, Mantan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dan dianggotai YB Dr. Ong Kian Ming, Ahli Parlimen Bangi dan

Mantan Timbalan Menteri MITI serta Dr Mohd Farhan Rusli, Pengarah STFO. Jawatankuasa Khas ini akan memastikan pematuhan kawalan kesihatan di semua kilang-kilang dan industri serta akan membantu dalam pelaksanaan program vaksin bagi ‘economic frontliners’.

Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM 500 ribu bagi operasi pematuhan dan kawalan kesihatan industri.

PROGRAM VAKSINASI COVID-19 NEGERI SELANGOR / Selangor Covid-19 Vaccination Program (SCVP)

Saudara-saudari sekalian,

Kita telah pun menghadapi pandemik ini selama hampir setahun setengah. Dan kita lebih mengenali cara dan ciri-ciri virus COVID-19 menular, impak virus ini kepada diri kita, komuniti serta sistem kesihatan, dampaknya terhadap ekonomi negara dan cara mengawal virus ini supaya tidak terus merebak dengan keadaan yang sukar dikawal.

Dan pemahaman ini menunjukkan tiga cara untuk mengawal dan mengalahkan pandemik ini.

1. Lockdown (yang akan memberi kesan terhadap ekonomi)
2. Pematuhan terhadap SOP
3. Vaksin

Kesemua usaha yang telah saya umumkan bukan sahaja kali ini tetapi sejak bulan Mac tahun lalu melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin 1 dan 2, Pelan Pemulihan Ekonomi Negeri Selangor, Pakej Kita Selangor 1.0 pada awal tahun ini, adalah untuk mencapai satu matlamat: Membina daya tahan dalam keluarga, komuniti, sistem kesihatan serta sistem ekonomi sehingga masyarakat kita dapat mencapai **herd immunity** ataupun **imuniti kelompok**.

Dan ‘herd immunity’ hanya dapat dicapai apabila ramai daripada rakyat menerima suntikan vaksin sekaligus mengurangkan kadar kebolehjangkitan virus ini atau garis yang kita fahami sebagai *R naught*.

Justeru, Selangor terus berperanan secara aktif dalam membantu proses pemberian vaksin, sama ada secara logistik dengan penyediaan lokasi dan keperluan logistik PPV serta koordinasi penugasan tenaga kerja daripada pelbagai agensi negeri dan persekutuan.

Bantuan CSR daripada Kerajaan Negeri melalui MBI membekalkan bantuan makan minum kepada 1,000 petugas di 10 PPV Awam mulai 24 Mei 2021 sehingga 10 Jun 2021 dengan anggaran kos berjumlah RM209,800.

Kerajaan Negeri turut menyediakan Bas Smart Selangor untuk membantu penerima vaksin ke PPV secara percuma dan kempen ‘outreach’ dalam usaha mendaftarkan penerima vaksin ke dalam sistem MySejahtera melalui ImuniSel dengan menggerakkan ketua-ketua komuniti dan sukarelawan terutamanya kawasan luar bandar bagi penduduk yang mempunyai masalah/tiada kemudahan peranti pintar.

Dengan pendekatan ‘whole of society’ serta pemahaman yang berasaskan data dan sains, Selangor sebagai ‘frontline state’ mengambil langkah proaktif untuk memperoleh vaksin agar rakyat dan ekonomi negeri dilindungi.

Kerajaan Negeri menjunjung titah DYMM Sultan Selangor pada 8 Jun 2021 agar vaksin dipercepat dan ditambah bilangan dos --berkadaran dengan populasi Selangor yang tinggi-- agar segera mencapai imuniti kelompok bagi mengelakkan krisis wabak yang semakin meruncing.

Justeru itu, sebagai langkah pelengkap kepada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, sukacita saya mengumumkan Program Vaksinasi COVID-19 Negeri Selangor, *Selangor COVID-19 Vaccination Programme (SCVP)*, untuk membantu mempercepatkan kadar vaksinasi di seluruh negeri.

Alhamdulillah, setelah merancang untuk mendapatkan bekalan vaksin pada hujung tahun 2020 diikuti pengumuman hasrat Kerajaan Negeri bagi tujuan ini pada 11 Januari 2021, Kerajaan Negeri telah memulakan perbincangan seawal 8 Februari lagi dan akhirnya pada 1 Jun 2021 memuktamadkan dengan pembekal yang berdaftar dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) untuk membekalkan vaksin secara berfasa di Negeri Selangor yang dijangka bermula pada akhir Jun 2021.

Antara fokus penerima vaksin selain golongan warga emas dan pekerja industri serta perkilangan juga perkhidmatan, Kerajaan Negeri Selangor juga mengusahakan perolehan vaksin sebagai persediaan melindungi generasi muda yang bakal berumur 18 tahun tetapi belum menerima vaksin. Melihat kepada data Kementerian Kesihatan Malaysia, 82,341 kanak-kanak telah dijangkiti COVID-19. Daripada jumlah itu, 27,402 berumur antara 13 tahun sehingga 17 tahun dan mereka adalah pesakit kategori 1, 2 dan 3.

Golongan ini juga akan dimasukkan di dalam kerangka besar Selangor COVID-19 Vaccination Programme (SCVP).

Untuk maksud tersebut, Kerajaan Negeri akan kembali ke Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk bersama-sama membincangkan pelan kita dan memastikan pelarasan data-data penerima vaksin agar ianya selari bagi mempercepatkan imuniti kelompok (herd immunity) di Selangor Darul Ehsan sejajar dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Selangor bersedia untuk melaksanakan enrolmen ini bertujuan untuk meningkatkan tahap perlindungan kesihatan beberapa kumpulan sasar seperti golongan B40, warga emas, guru dan sebagainya daripada bahaya virus COVID-19. Pelaksanaan SCVP tidak akan membebankan sistem kesihatan awam di negeri Selangor kerana kita mempunyai jaringan lebih dari seribu klinik-klinik Pengamal Perubatan Am Swasta (GP) yang bersama kita di bawah program Peduli Sihat yang bersedia melaksanakan program vaksinasi sama ada melalui Pusat Pemberian Vaksin (PPV), rumah ke rumah mahupun premis ke premis.

Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan RM200 juta tujuan tersebut. Namun, saya tegaskan di sini, saya akan segera bertemu pihak Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan program vaksinasi ini dengan harapan mempercepatkan inokulasi rakyat sebagai salah satu strategi terpenting mendepani wabak ini.

Penutup

Saudara-saudari sekalian,

Kita sedang menghampiri hampir 15 bulan sejak lockdown pertama yang diumum pada 18 Mac tahun lalu oleh Kerajaan Persekutuan.

Keadaan yang kita hadapi hari ini boleh dikatakan dejavu, hampir sama dengan apa yang dihadapi awal tahun lepas. Kita tidak dapat bersama dengan kawan dan keluarga, hadir ke pejabat berinteraksi dengan rakan sekerja, perayaan tidak dapat disambut dan anak-anak kita menghadapi cabaran terbesar dalam hidup mereka tanpa bersekolah.

Itu menyebabkan keadaan resah yang hanya natural, semula jadi dalam kehidupan manusia.

Seperti kata Aristotle, “*Man is by nature a social animal; Society is something that precedes the individual. Anyone who does not partake of society, is either a beast or a god.*”

Namun, saya juga mengingati kata-kata Abraham Lincoln mengenai kebertanggungjawaban sosial manusia.

“*You cannot escape the responsibility of tomorrow by evading it today.*”

Seperti yang saya ujarkan tadi, kaedah kita mengatasi kemelut wabak COVID-19 adalah hanya tiga:

- i) Lockdown
- ii) Pematuhan kepada SOP
- iii) Vaksin

Ketiga-tiga aspek ini hanya akan berjaya jika kita mempunyai tanggungjawab terhadap diri, keluarga dan satu sama lain.

Ada yang mungkin berpandangan bahawa kita berada pada tahap akhir, ‘last corner’, dalam peperangan kita berhadapan dengan virus ini yang telah meragut lebih 3.7 juta nyawa di seluruh dunia.

Tanpa ada sifat tanggungjawab terhadap setiap tindakan dan keputusan kita, ‘last corner’ ini boleh menyebabkan ini menjadi ‘U-turn’ sehingga kita menghadapi ombak baharu penularan wabak ini.

Untuk mengelakkan ‘U-turn’ seperti itu, saya mengajak setiap rakyat Selangor, daftar untuk vaksin, hadir untuk temu janji suntikan vaksin, pastikan kawan serta keluarga anda melaksanakan tanggungjawab yang sama. Sementara itu, jaga penjarakkan fizikal, patuh kepada SOP dan sentiasa pakai topeng muka.

Dengan kekuatan kebertanggungjawab ini InsyaAllah, akan membolehkan kita menangani penularan Covid-19 dan seterusnya berikhtiar memulihkan ekonomi negeri.